



Tuan,

PEMAKLUMAN MENGENAI PENUTUPAN SEMENTARA PINTU MASUK POST A DAN POST B DI KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR BERMULA 6 JANUARI 2025

Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Mahkamah Kuala Lumpur dan PDRM akan melaksanakan kawalan dan pemantauan keselamatan tambahan yang lebih ketat di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur bermula **6 Januari 2025 (Isnin)** sehingga 23 Januari 2025 atau sehingga tarikh lain yang akan dimaklumkan kelak. Langkah kawalan keselamatan ini akan melibatkan penutupan pintu pagar utama Post A dan Post B dan terpakai kepada semua pihak seperti berikut:

- (a) **Menutup Pintu Utama (Post A) bermula jam 8.30 pagi sehingga 5.00 petang atau sehingga satu waktu yang akan ditetapkan;**
- (b) **Membuka Pintu Pejalan Kaki di sebelah kiri dan kanan Pintu Utama (Post A);**
- (c) **Membuka Pintu Utama Post B (dari laluan LHDN) bagi kemasukan semua kenderaan Warga Mahkamah sehingga jam 8.30 pagi;**
- (d) **Membuka Pintu Kecil Pejalan Kaki Post B (*small gate*) sehingga jam 8.30 pagi kepada:**
 - (i) Timbalan Pendakwa Raya / Peguam Persekutuan (perlu mengemukakan Kad Jabatan); dan
 - (ii) Peguam yang berdaftar dengan Majlis Peguam.

3. Tiada kenderaan dibenarkan masuk ke dalam Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur selain daripada Hakim dan Warga Mahkamah.

4. Warga Mahkamah Kuala Lumpur diarah untuk hadir ke Pejabat sebelum 8.00 pagi.

5. Hanya pihak yang mempunyai urusan di Mahkamah dibenarkan memasuki premis Mahkamah.

6. Pihak saya memohon perhatian dan kerjasama daripada semua Warga Mahkamah dan pemegang taruh untuk mematuhi arahan-arahan semasa dari pihak PDRM bagi memudah cara kawalan keselamatan yang diperketat.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

AZURA BINTI ALWI

Pengarah

Mahkamah Kuala Lumpur